

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah jangka panjang yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk memastikan bekalan air mencukupi selain daripada melakukan pembenihan awan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Langkah jangka panjang yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan operator-operator air bagi memastikan bekalan air mencukupi adalah seperti berikut:

- 1) menyusun semula sistem penakungan untuk menyimpan air mentah sebagai rizab untuk digunakan semasa musim kering; dan
- 2) mengoptimumkan penggunaan pelbagai punca sumber air mentah seperti efluen yang dihasilkan oleh loji-loji kumbahan, *stormwater* dan air bawah tanah untuk kegunaan *non potable* sebagai punca air tambahan dan rizab masa hadapan bagi meminimumkan kebergantungan kepada sumber air permukaan dan sungai.

Pada masa yang sama, Kementerian ini juga memberikan tumpuan kepada Pengurusan Permintaan Air (*Water Demand Management*)

yang komprehensif termasuk program mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) secara berkesan untuk dilaksanakan oleh operator-operator air sebagai usaha untuk memastikan penggunaan air yang berhemat bagi memastikan bekalan air yang mencukupi dan berterusan disalurkan

Program penyaluran air mentah antara negeri-negeri dilaksanakan bagi memastikan negeri yang mempunyai lebih sumber air dapat membantu negeri yang mengalami kekurangan sumber air. Contohnya program ini ialah Skim Penyaluran Air Mentah Johor-Melaka yang membekalkan air mentah dari Sungai Muar ke Melaka dan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor (PPAMPS). Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga mengawalselia industri air negara dan telah menetapkan supaya purata *reserve margin* bagi setiap negeri adalah di antara 10% sehingga 15%. Ini adalah bertujuan bagi memastikan kapasiti pengeluaran dan perbekalan air negara sentiasa berkeupayaan memenuhi permintaan.

Sekian, terima kasih
